



KHAZANAH
NASIONAL



MEMAJUKAN
MALAYSIA

2024

Jangkaan Pemegang Saham dan Kepengurusan Pelaburan





ISI KANDUNGAN



PENGENALAN	01
JANGKAAN PEMEGANG SAHAM	02
1. Syarikat-syarikat mesti menjana nilai pemegang saham jangka panjang	02
2. Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab utama terhadap strategi korporat, pemantauan dan pengawasan	03
3. Pengerusi sebagai pemimpin yang menetapkan budaya yang betul	04
4. Pasukan pengurusan yang betul mesti dipilih dan disediakan insentif agar selaras dengan kejayaan syarikat	04
5. Perlindungan hak pemegang saham	05
6. Keperluan kemampunan bagi memastikan syarikat pelaburan kami kalis masa hadapan	05
GARIS PANDUAN PENGUNDIAN	07

PENGENALAN

Mandat dan tanggungjawab Khazanah sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia adalah penyampaian nilai yang mampan melalui pelaburan-pelaburan yang mampu menjana pulangan yang baik bagi generasi rakyat Malaysia pada masa kini dan di masa hadapan. Sebagai pengurus kekayaan negara, Khazanah sentiasa menekankan hal demikian dalam libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburan kami. Menerusi sesi libat urus berterusan ini, kami menyasarkan untuk terus mencapai hasil yang lebih baik dalam aspek-aspek utama yang dibentangkan dalam bahagian seterusnya.

Pendekatan kami terhadap libat urus korporat adalah menurut Polisi Pelaburan Khazanah, iaitu untuk mencapai pulangan terlaras risiko jangka panjang yang mampan daripada portfolio yang mampu mengharungi turun naik jangka pendek dalam pasaran. Bagi memenuhi objektif-objektif ini dan mengorak langkah ke arah peralihan saksama *Just Transition*¹ yang mencapai aspirasi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") kami, berikut adalah jangkaan kami sebagai pemegang saham bagi memastikan prinsip tadbir urus pelaburan sentiasa diterapkan. Pendekatan kami konsisten dengan kod-kod antarabangsa dan tempatan serta amalan terbaik seperti Kod Pelabur Institusi Malaysia ("MCI"), Prinsip dan Amalan Dana Kekayaan Berdaulat IFSWF Yang Diterima Umum (Prinsip Santiago), Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG"), Prinsip UNPRI untuk Pelaburan Bertanggungjawab, Prinsip Tadbir Urus Korporat OECD dan Prinsip Tadbir Urus Global ICGN.

Jangkaan dan prinsip tadbir urus Khazanah meliputi semua keadaan dan wilayah. Namun, kami mengambil kira keperluan tempatan (contohnya konteks sosial, rangka kerja perundangan, polisi kemampanan dan amalan pasaran) dan apabila ia tidak mencapai jangkaan kami, penglibatan para pemegang taruh akan dilakukan bagi menggalakkan peralihan yang munasabah, praktikal dan saksama untuk mencapai penjajaran dengan prinsip-prinsip ini. Dari segi pengundian, Khazanah boleh memilih untuk tidak mengundi pada mesyuarat agung syarikat-syarikat dalam portfolio Pasaran Awam kami dan dalam syarikat yang mana Khazanah memiliki kurang daripada 5% saham mengundi. Tambahan pula, kami menyedari keperluan fleksibiliti dalam menangani keadaan luar biasa dan membenarkan pengecualian berdasarkan kes-kes tertakluk kepada budi bicara kami, jika terdapat alasan yang kukuh untuk berbuat demikian.

Dokumen Jangkaan Pemegang Saham dan Kepengurusan Pelaburan ini tertakluk kepada semakan apabila perlu. Ia harus dibaca bersama dengan [Penyata Polisi Pelaburan](#)  dan [Polisi Pelaburan Mampan](#)  yang boleh diakses di laman sesawang Khazanah. (<https://www.khazanah.com.my/how-we-invest/investment-approach-bm/?lang=ms>).

1. *Just Transition* adalah peralihan kepada amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus berstandard lebih tinggi. Pada masa yang sama, meminimumkan dan menguruskan secara teliti kesan-kesan yang tidak diingini terhadap pemegang taruh yang berkaitan.


JANGKAAN PEMEGANG SAHAM

Bahagian ini menerangkan jangkaan pemegang saham Khazanah berhubung pelaburan kami.



1. Syarikat-syarikat mesti menjana nilai pemegang saham jangka panjang

Kami berpegang teguh kepada tujuan utama pelaburan kami, iaitu untuk menjana pulangan jangka panjang yang mampan untuk pemegang taruh kami, iaitu rakyat Malaysia. Selaras dengan tujuan ini, Khazanah menyasarkan Jumlah Pulangan Pemegang Saham ("TSR") dalam jangka panjang, yang ditunjukkan oleh prestasi mampan dalam metrik jangka pendek seperti keuntungan dan Keuntungan Setiap Syer ("EPS"). Walau bagaimanapun, pencapaian sasaran jangka pendek yang diwakili oleh metrik ini tidak harus membelakangkan pulangan mampan jangka panjang. Syarikat-syarikat harus mempertimbangkan dimensi sosial dan alam sekitar sebagai tambahan kepada sasaran kewangan untuk mendapatkan pulangan optimum untuk pemegang taruh tanpa menjejaskan nilai masa hadapan. Selepas itu, syarikat-syarikat harus memastikan bahawa strategi mereka disokong oleh penentuan keupayaan dan sumber yang betul, serta polisi, proses dan kawalan dalaman ditetapkan berdasarkan amalan terbaik.



2. Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab utama terhadap strategi korporat, pemantauan dan pengawasan

Lembaga Pengarah harus memastikan dan menyampaikan visi yang jelas berkaitan dengan misi dan tujuan syarikat. Mereka harus memastikan bahawa visi ini diterjemahkan ke dalam strategi syarikat, yang harus menggabungkan kepentingan kemampanan untuk menjamin daya maju perniagaan dalam jangka panjang. Ini adalah kunci kepada keupayaan syarikat untuk memanfaatkan peluang atau untuk berdaya tahan terhadap turun naik dan ketidakpastian di masa hadapan, agar nilai pemegang taruh dilindungi dan berkembang dalam jangka masa panjang.


Setiap strategi korporat yang dirancang secara komprehensif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah hanya akan menjana hasil jika dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, langkah kritikal adalah pemilihan pasukan pengurusan yang berkebolehan, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang kompeten, melalui proses pelantikan yang rapi dan telus. Lembaga Pengarah pula harus memastikan pasukan pengurusan menjalankan tanggungjawab dengan betul melalui penelitian penuh dan konstruktif terhadap cadangan pengurusan diikuti dengan pemantauan dan pengawasan rapi bagi memastikan kejayaan rancangan-rancangan strategik.

Demi kepentingan terbaik syarikat, Lembaga Pengarah harus objektif, telus dan komited kepada piawaian tertinggi bagi integriti dan akauntabiliti. Khazanah menggalakkan bilangan keanggotaan maksimum seramai dua belas (12) orang ahli dalam Lembaga Pengarah dan majoriti daripada mereka ahli lembaga bebas demi memelihara objektiviti dan proses semak dan imbang yang berkesan. Lembaga Pengarah perlu disokong oleh beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berfungsi penuh, yang berkemungkinan termasuk fungsi-fungsi berikut dengan tanggungjawab yang bersesuaian dengannya:

- a. Audit: memastikan semua akaun mematuhi piawaian, memastikan integriti, kualiti dan kebebasan audit, pelaporan dan pendedahan, serta memastikan keteguhan kawalan dalaman.
- b. Pencalonan: menilai komposisi Lembaga Pengarah dan mengetuai proses untuk perancangan penggantian dan pelantikan Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi.
- c. Imbuan: mengawasi reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian polisi imbuan dan skim kemudahan untuk semua eksekutif, agar sejajar dengan objektif jangka panjang syarikat.

Lembaga Pengarah juga boleh membentuk jawatankuasa lain yang difikirkan sesuai untuk syarikat.

Bagi mengekalkan keberkesanan dalam melaksanakan perkara di atas, Lembaga Pengarah mesti sentiasa menilai prestasi dan kecukupan kemahiran, kecekapan, kepelbagaian, pengalaman, komitmen masa dan kebebasan, baik sebagai kolektif dan di peringkat pengarah individu. Sebagai amalan terbaik, penilaian Lembaga Pengarah hendaklah dijalankan secara berkala oleh pihak ketiga yang bebas untuk memastikan keputusan kekal teguh dan objektif. Sebarang kekurangan harus diperbaiki melalui latihan, penyegaran semula pengarah atau kedua-duanya, supaya lembaga pengarah sentiasa mengekalkan tahap ketangkasan dan kepakaran yang sepatutnya, serta mampu untuk terus menjalankan peranan yang ditetapkan.



3. Pengerusi sebagai pemimpin yang menetapkan budaya yang betul

Kami berpandangan bahawa Pengerusi Lembaga Pengarah berperanan penting dalam mewujudkan budaya prestasi, tanggungjawab dan integriti yang betul. Pengerusi yang baik mencetus rasa bertanggungjawab dalam kalangan para pengarah dan secara bersama, Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju untuk diikuti seluruh syarikat. Dengan berbuat demikian, Pengerusi juga memainkan peranan sebagai saluran bagi sebarang kebimbangan dan rungutan yang dibangkitkan oleh pemegang

saham dan pemegang taruh yang lain melalui penyediaan saluran maklum balas yang berfungsi dengan baik. Ini dijalankan dalam beberapa cara, termasuk semakan prestasi pengarah Lembaga serta eksekutif pengurusan.

Bagi memastikan objektiviti dalam penyediaan pengawasan dan penyeliaan pengurusan syarikat, peranan Pengerusi Lembaga Pengarah harus diasingkan daripada peranan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan. Pelantikan Pengerusi bebas adalah amalan tadbir urus korporat yang ideal, namun jika ini tidak berlaku maka kehadiran Pengarah Bebas Kanan adalah perlu untuk memastikan keseimbangan. Bekas Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan syarikat-syarikat yang berkenaan tidak seharusnya mengambil alih peranan Pengerusi Lembaga sehingga satu tempoh masa yang sesuai bagi mengelakkan situasi konflik sepenuhnya.



4. Pasukan pengurusan yang betul mesti dipilih dan disediakan insentif agar selaras dengan kejayaan syarikat

Pasukan pengurusan yang sesuai serta diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang berkebolehan mesti dipilih mengikut proses pengambilan kakitangan yang ketat dan telus. Ini adalah tanggungjawab utama Lembaga Pengarah, disokong oleh Jawatankuasa Pencalonan (atau yang setaraf) yang harus memastikan bahawa polisi-polisi berkaitan sumber tenaga kerja, semakan, penilaian dan pembangunan bukan sahaja relevan berdasarkan piawaian pasaran tetapi juga sepadan dengan kerumitan dan tanggungjawab jawatan yang terlibat.

Polisi imbuhan harus dibentuk untuk mengatasi masalah prinsipal-ejen yang wujud dalam syarikat dengan menyelaraskan kepentingan pengurusan dan para pemegang taruh. Ini biasanya dilakukan dengan menghubungkan pampasan dan faedah dengan penyampaian strategi dan prestasi syarikat yang mampan. Di samping itu, Khazanah menyokong skim insentif kakitangan termasuk pembayaran yang terikat secara langsung dengan pencapaian petunjuk prestasi utama ("KPI") tertentu. Bagi memastikan pengekalan kakitangan, Khazanah mengesyorkan tempoh wajib kekal bekerja sehingga lima (5) tahun untuk kakitangan layak mendapat skim insentif tersebut. Akhir sekali, tindakan terhadap eksekutif yang terlibat dalam kegagalan risiko material, sebarang insiden atau kesalahan tatatertib perlu diambil dan harus dicatat dalam skim tersebut.



5. Perlindungan hak pemegang saham

Khazanah mementingkan perlindungan hak pemegang saham, termasuk minoriti. Kami percaya pada layanan saksama kepada semua pemegang saham dan perlindungan modal mereka daripada penyalahgunaan dan penyelewengan. Pemegang saham mempunyai hak mengundi bagi menentukan perubahan dalam syarikat dan bagi perkara yang mungkin memberi kesan terhadap kepentingan mereka, selepas mendapat masa yang mencukupi untuk mempertimbangkan resolusi dan peluang mendapatkan penjelasan daripada Lembaga Pengarah dan juruaudit luar semasa mesyuarat agung. Satu saham adalah bersamaan satu undi untuk mengelakkan kawalan yang tidak seimbang kepada pemegang saham tertentu termasuk melalui struktur dwi kelas, melainkan ia adalah untuk kepentingan terbaik syarikat atau terdapat sebab-sebab dan keperluan yang mendesak.

Pada pandangan Khazanah, sesi libat urus akan kekal sebagai salah satu cara utama untuk memastikan perjalanan tugas kami sebagai pengurus dana kekayaan negara berjalan lancar. Kami akan terus menjalankan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburan kami dan bekerjasama untuk mencapai hasil yang terbaik. Kami juga kekal dengan pendirian bahawa sesi libat urus yang produktif bersama semua syarikat pelaburan kami mesti dicapai sebelum undian pada mesyuarat agung, dalam semua keadaan. Untuk tujuan ini, undian kami dan kepentingan yang diwakili adalah berpandukan kepada Garis Panduan Pengundian Khazanah yang disediakan dalam bahagian seterusnya.



6. Keperluan kemampanan bagi memastikan syarikat pelaburan kami kalis masa hadapan

Khazanah menggalakkan syarikat pelaburannya untuk mencipta impak yang mampan dan menjana hasil positif setiap kali peluang dimanfaatkan dan semasa pengurusan risiko yang timbul akibat daripada faktor-faktor ESG. Selaras dengan matlamat kami untuk sentiasa Menjadi Lebih Baik, Khazanah akan terlibat secara aktif dengan syarikat-syarikat pelaburan kami untuk memberikan sokongan terhadap inisiatif kemampanan mereka, termasuk peralihan secara bertanggungjawab.

Alam Sekitar

Kegagalan untuk mempertimbangkan kesan iklim adalah risiko yang memudaratkan, baik dari perspektif perniagaan mahupun dari sudut pandangan warga korporat global. Oleh itu, amalan perniagaan yang mampan perlu diserapkan di seluruh rantai nilai serta dalam titik hubungan dengan para pemegang taruh agar syarikat lebih berupaya untuk menghadapi perubahan dalam faktor pengeluaran, pilihan pengguna atau peraturan. Sebagai permulaan, syarikat harus memikul tanggungjawab dan

komited ke arah matlamat bersama, iaitu pengurangan pelepasan karbon. Pada 10 Jun 2022, Khazanah telah mengumumkan sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, dan matlamat kami adalah untuk sasaran ini dicapai di peringkat portfolio. Oleh itu, kami mengharapkan syarikat pelaburan kami mempunyai sasaran pengurangan pelepasan karbon yang jelas, dinyatakan secara terang dan dipantau secara berkala.

Sosial

Kami percaya bahawa kepelbagaian dalam Lembaga Pengarah, pengurusan dan seluruh tenaga kerja dikaitkan dengan prestasi yang lebih berdaya tahan, kreatif dan tangkas dalam mengemudi persekitaran yang berubah dengan pantas, serta responsif terhadap para pelanggan dan pemegang taruh yang lain. Selaras dengan MCCG, kami percaya bahawa kepelbagaian perspektif, kemahiran, latar belakang, jantina, etnik, umur dan faktor demografi yang lain melengkapkan syarikat dengan ciri-ciri yang sesuai untuk berbakti kepada komuniti yang pelbagai dan sentiasa berubah. Untuk tujuan ini, sasaran Khazanah adalah untuk syarikat pelaburannya mempunyai sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita dalam Lembaga Pengarah masing-masing. Di samping itu, syarikat-syarikat tersebut harus juga melaksanakan dasar Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Inklusif ("DEI") yang bertujuan untuk menghindar diskriminasi, seterusnya menggalakkan penyertaan dan pembangunan.

Khazanah menjangkakan kepelbagaian generasi dalam barisan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat pelaburannya untuk memastikan mereka berkembang maju dalam dunia yang semakin kompleks. Kemampuan memerlukan kerjasama dan pembelajaran bersama dalam kalangan kumpulan umur yang berbeza untuk menangani gangguan dan membina daya tahan. Oleh itu, walaupun kami tidak mengehendkan umur pengarah dalam lembaga pengarah, setiap pengarah harus berkemampuan untuk melaksanakan tugas mereka dan menyumbang secara positif seperti yang dinyatakan di atas.

Khazanah ingin menekankan keperluan untuk syarikat-syarikat menghormati maruah dan hak pekerja. Ini termasuk penyelarasan dengan piawaian yang sesuai seperti keperluan umur minimum, imbuhan, kesihatan dan keselamatan tempat kerja serta keadaan tempat tinggal apabila penginapan disediakan oleh majikan.

Tadbir Urus

Tadbir urus korporat yang baik menyediakan asas bagi syarikat yang kukuh dari segi kewangan dan berkemampuan, yang seterusnya akan mengekalkan keyakinan di seluruh ekosistem. Oleh itu, kami mengharapkan syarikat-syarikat pelaburan untuk mempamerkan amalan terbaik yang ditetapkan badan-badan antarabangsa dan pengawal selia tempatan.

Dalam konteks Malaysia, Khazanah melihat MCCG sebagai rujukan utama bagi syarikat-syarikat kami dan menjangkakan pendedahan yang menyeluruh sebagai sebahagian daripada aspek pematuhan. Walau bagaimanapun, kami menyedari bahawa syarikat-syarikat mungkin berada pada peringkat berbeza dari segi kematangan tadbir urus korporat. Oleh itu, kami menjangkakan pendedahan berkenaan pematuhan disertakan dengan metrik yang boleh diukur dan sasaran yang boleh diukur, disertai dengan penerangan yang tepat tentang kemajuan syarikat. Namun begitu, kami akan terus melaksanakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat untuk memastikan pematuhan dijalankan mengikut perancangan.

Akhir sekali, seperti imbuhan yang diselaraskan dengan strategi, kami menjangkakan KPI pengurusan disertakan sasaran ESG yang ditetapkan di peringkat korporat. Penjajaran insentif sedemikian memuktamadkan agenda kemampunan keseluruhan dengan memastikan setiap pembuat keputusan dan pelaksana strategi bertindak untuk mencapai matlamat bersama dalam perjalanan ke arah Peralihan Saksama: untuk menyediakan masa hadapan yang lebih baik dan terjamin untuk semua.

GARIS PANDUAN PENGUNDIAN

Bahagian ini menerangkan garis panduan yang mana Khazanah akan menggunakan hak pemegang sahamnya untuk mengundi pada mesyuarat agung syarikat-syarikat tersenarai. Di mana yang berkenaan, Garis Panduan Pengundian juga adalah kaedah yang berguna bagi menambah baik tadbir urus korporat dalam syarikat yang sahamnya tidak didagangkan secara terbuka atau yang mana Khazanah merupakan pemegang saham majoriti. Oleh itu, Garis Panduan Pengundian masih perlu dipertimbangkan dalam hal ini.

No	Jenis resolusi	Garis panduan pengundian
1.	Pelantikan semula Pengarah	<p>A. Berkenaan resolusi untuk pelantikan semula pengarah, kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi tersebut jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pengarah menghadiri kurang daripada 75% mesyuarat lembaga pengarah dan/ atau mesyuarat jawatankuasa yang berkaitan ii. dianggap mempunyai terlalu banyak komitmen, yang mana ia ditakrifkan sebagai: <ul style="list-style-type: none"> a) Bagi ahli lembaga pengarah bukan Ketua Pegawai Eksekutif, berkhidmat di lebih daripada lima (5) Lembaga Pengarah syarikat tersenarai awam ("PLC"), tidak termasuk anak syarikat PLC. b) Bagi pengarah syarikat tersenarai awam yang mempunyai tanggungjawab eksekutif kanan (seperti Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan), berkhidmat di lebih daripada satu (1) Lembaga Pengarah PLC, tidak termasuk Lembaga Pengarah yang mana mereka berkapasiti sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan. iii. ia adalah untuk lantikan semula pengarah bebas yang telah berkhidmat lebih daripada sembilan (9) tahun. iv. dalam hal resolusi untuk memilih semula pengarah bukan bebas, yang mana Lembaga Pengarah terdiri daripada kurang daripada satu pertiga pengarah bebas. <p>B. Berkenaan resolusi untuk lantikan semula pengerusi, kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi tersebut jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. syarikat tidak mempunyai jawatankuasa utama dengan tanggungjawab untuk, sekurang-kurangnya, audit, imbuhan atau hal-hal pencalonan. ii. pengerusi adalah orang yang sama dengan pengerusi jawatankuasa lain yang meliputi fungsi audit, pencalonan, imbuhan, pelaburan atau perolehan. iii. pengerusi adalah orang yang sama dengan Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan. iv. pengerusi adalah bekas Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan syarikat. v. bagi pengerusi bukan bebas, jika tiada ketua / pengarah bebas kanan, melainkan pencalonan dilaksanakan melalui Saham Khas kerajaan. vi. Mulai 2024, tiada sasaran neutraliti karbon dan/atau sasaran Pelepasan Karbon Sifar Bersih 2050; atau tiada komitmen yang ditunjukkan untuk memenuhi neutraliti karbon dan/atau sasaran Pelepasan Karbon Sifar Bersih.

No	Jenis resolusi	Garis panduan pengundian
		<p>C. Apabila mempertimbangkan komposisi dan kepakaran Lembaga Pengarah, kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi untuk memilih semula pengarah yang dianggap:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. i. tidak mempunyai kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang bersesuaian dan bertepatan dengan objektif dan matlamat strategik syarikat; ii. ii. mempunyai reputasi dan kelakuan yang buruk, dan/atau didapati tidak bertindak demi kepentingan terbaik syarikat; iii. iii. mempunyai rekod salah urus atau penglibatan dalam skandal kewangan dalam mana-mana syarikat lain; dan iv. iv. seorang ahli politik, melainkan pencalonan dilaksanakan melalui Saham Khas kerajaan. "Ahli politik" ditakrifkan sebagai individu yang memegang jawatan kepimpinan dalam parti politik, sama ada di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah, atau merupakan ahli parlimen atau dewan undangan negeri (DUN). <p>D. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan untuk lantikan semula:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pengerusi bebas sepenuhnya. ii. ketua / pengarah bebas kanan. <p>E. Kami akan mengundi untuk MENENTANG cadangan untuk memilih semula Pengerusi dan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan jika mulai 2025 dan seterusnya, Lembaga Pengarah tidak mempunyai sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita, atau rancangan untuk mencapai 30% pengarah wanita jika sasaran ini masih belum dicapai.</p>
2.	<p>Pembayaran yuran pengarah bukan eksekutif, elaun dan faedah</p>	<p>A. Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi untuk meluluskan yuran pengarah jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah terbukti telah meletakkan syarikat dalam kedudukan kewangan yang tertekan. ii. yuran pengarah adalah berlebihan dan tidak munasabah berbanding dengan penanda aras dan amalan dalam pasaran dan juga berkaitan dengan prestasi syarikat. iii. resolusi adalah untuk perkhidmatan masa hadapan yang masih belum diberikan oleh pengarah, iaitu, melebihi tempoh masa bermula dari tamat Mesyuarat Agung semasa sehingga Mesyuarat Agung syarikat yang berikutnya. iv. resolusinya adalah untuk meluluskan mandat umum yang akan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah atau jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk menentukan yuran bagi pengarah bukan eksekutif tanpa mendapat kebenaran daripada pemegang saham terlebih dahulu. v. resolusi itu mencadangkan gaji berasaskan prestasi untuk pengarah bukan eksekutif dan pengerusi bukan eksekutif kerana ini terlalu menyerupai insentif pengurusan. <p>B. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan yang munasabah bagi penarikan semula dan sekatan ke atas pelan insentif pengurusan dan pengarah.</p>

No	Jenis resolusi	Garis panduan pengundian
3.	Akaun, audit dan kawalan dalaman	<p>A. Jika mana-mana situasi berikut berlaku:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Pengarah secara sedar telah gagal untuk memenuhi kewajipan mereka untuk memastikan pelaporan yang benar dan adil. ii. Lembaga Pengarah secara sedar telah gagal memberi amaran kepada pemegang saham tentang risiko kecairan atau kesolvenan. iii. Lembaga Pengarah telah gagal melaksanakan kawalan dalaman yang mencukupi. <p>Kami akan mengundi mana-mana satu daripada cara berikut, bergantung pada keadaan tertentu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi yang meluluskan yuran pengarah; b) Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi untuk lantikan semula semua pengarah; c) Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi untuk lantikan semula pengarah tertentu yang dianggap melakukan kesalahan; atau d) Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi untuk lantikan semula semua pengarah dalam jawatankuasa audit. <p>B. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan pengurusan untuk pelantikan juruaudit luar, kecuali dalam keadaan yang mana juruaudit luar juga menerima yuran bukan berkaitan audit (iaitu untuk khidmat nasihat lain) yang mencapai jumlah yang jauh lebih tinggi daripada audit dan yuran berkaitan audit yang dibayar oleh syarikat kepada juruaudit luar tersebut. Dalam keadaan ini, kami akan membuat penilaian atas setiap kes sama ada penyediaan imbuhan telah menjejaskan objektiviti juruaudit luar dan berpotensi menjadi konflik kepentingan.</p>
4.	Peruntukan dan penerbitan saham	<p>A. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan untuk terbitan saham baharu yang mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. terdapat penggunaan hasil yang dirancang dengan jelas; ii. terbitan tidak akan membawa kepada pencairan berlebihan modal saham sedia ada; dan iii. terbitan itu dianggap memberi manfaat kepada syarikat dan pemegang saham. <p>B. Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi jika mana-mana keperluan di atas tidak dipenuhi, melainkan ia diterbitkan untuk mematuhi keperluan atau jangkaan kawal selia.</p>
5.	Pembelian semula atau pembelian balik saham	<p>A. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan untuk pembelian semula saham atau pembelian balik jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. adalah dianggap bahawa pembelian semula atau pembelian balik adalah demi kepentingan terbaik syarikat dan semua pemegang saham; dan ii. kedudukan kewangan syarikat disokong oleh penyata imbangan yang kukuh dan aliran tunai yang stabil.

No	Jenis resolusi	Garis panduan pengundian
6	Skim Pelaburan Semula Dividen (“DRS”)	<p>A. Kami akan mengundi untuk MENENTANG cadangan DRS melainkan syarat berikut dipenuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat (a) menunjukkan potensi pertumbuhan dan DRS yang dicadangkan mampu mencapai peningkatan untuk setiap satu saham; dan (b) membentangkan lembaran imbangan dan kedudukan aliran tunai yang menyokong cadangan DRS; ATAU ii. DRS membolehkan syarikat memenuhi keperluan atau jangkaan kawal selia.
7	Transaksi Pihak Berkaitan (“RPT”) dan Transaksi Pihak Berkaitan Berulang (“RRPT”)	<p>A. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan pengurusan untuk RPT dan RRPT yang mana transaksi telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. dijalankan atas terma komersial yang baik dan demi kepentingan terbaik syarikat. ii. disemak dan diluluskan oleh pakar bebas dan berkeelayakan (contohnya pengarah bebas, jawatankuasa yang dibentuk khas dan/atau penasihat). iii. diselesaikan mengikut terma yang tidak dipengaruhi mana-mana pihak iv. didedahkan secara umum. v. diserahkan kepada pemegang saham untuk kelulusan, jika sesuai. <p>B. Kami TIDAK akan mengundi resolusi RPT/RRPT yang mana pihak berkaitan dalam RPT/RRPT melibatkan Khazanah.</p>
8	Hak pemegang saham	<p>A. Kami akan mengundi untuk MENENTANG resolusi yang “menggabungkan” item undian. Cadangan yang tertakluk kepada keputusan pemegang saham hendaklah dibentangkan sebagai item individu, melainkan resolusi mempunyai syarat yang terikat bersama atau berkait rapat, menjadikan resolusi perlu dipertimbangkan bersama.</p> <p>B. Kami akan mengundi untuk MENENTANG semua resolusi untuk memperkenalkan struktur yang tidak mengikut prinsip “satu saham, satu undi” melainkan ia adalah demi kepentingan terbaik syarikat atau terdapat keadaan yang memaksa keperluannya.</p> <p>C. Kami akan mengundi untuk MENENTANG sebarang resolusi untuk memperkenalkan struktur saham dwi kelas melainkan ia adalah untuk kepentingan terbaik syarikat atau terdapat keadaan yang memaksa keperluannya.</p> <p>D. Kami akan mengundi untuk MENENTANG mana-mana resolusi untuk memperkenalkan mekanisme anti-pengambilalihan melainkan ia dianggap untuk kepentingan terbaik pemegang saham dan syarikat, dan bukan untuk melindungi pengurusan dan Lembaga Pengarah daripada memelihara akauntabiliti.</p> <p>E. Kami akan mengundi untuk MENYOKONG cadangan yang selaras dengan prinsip pencalonan, imbuhan dan jawatankuasa audit kami.</p> <p>F. Kami akan mengundi untuk MENENTANG semua resolusi atau cadangan pengurusan yang tidak mendedahkan maklumat yang mencukupi dan relevan berkaitan dengan cadangan urus niaga kepada semua pemegang saham.</p>



www.khazanah.com.my

Hak Cipta Terpelihara © Khazanah Nasional Berhad
Setakat Mac 2024